

05 JUL 2002

Abdullah-Korea (Bergambar)

KOREA SELATAN DIMINTA TINGKATKAN HUBUNGAN EKONOMI DENGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta Korea Selatan meningkatkan hubungan ekonomi dengan Malaysia dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada sektor pembinaan.

Beliau berkata Malaysia sedar syarikat-syarikat Korea Selatan mempunyai kemampuan dan kebolehan dalam sektor pembinaan tetapi negara itu juga perlu mengimpot barangan Malaysia supaya perdagangan antara kedua-dua negara akan mencapai keseimbangan yang dihajati.

Syarikat-syarikat pembinaan Korea Selatan adalah kumpulan pertama yang datang untuk mengambil bahagian dalam pembinaan di Malaysia semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mula-mula menjadi Perdana Menteri.

"Dr Mahathir memang menyatakan sebahagian daripada pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur juga melibatkan Korea Selatan. Kita mahu Korea Selatan terima dan import barang-barang dari Malaysia.

"Itu adalah penting dan bukan sekadar kita import barangan mereka dan dapatkan khidmat dalam industri pembinaan, katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau juga berkata dasar pandang ke Timur yang dimulakan oleh Dr Mahathir akan terus dilaksanakan pada masa akan datang.

Mengenai lawatan Menteri Korea Selatan itu, Abdullah berkata lawatan itu menunjukkan bahawa negara itu masih berminat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembinaan di Malaysia yang berkaitan dengan infrastruktur dan yang lain.

-- BERNAMA

SR HS PR